


# PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

## Maksud Bekalan 2



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman
2,294,000	0	0
		2,294,000

### OBJEKTIF

Menentukan pentadbiran Majlis Raja-Raja di bawah peruntukan dalam Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan diuruskan dengan teratur.

### PELANGGAN

Secara langsung :

- (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (ii) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja; dan
- (iii) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Secara tidak langsung :

- (i) Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-kementerian serta Agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Negeri; dan
- (ii) Pihak swasta dan orang ramai.

## STRATEGI

Mempertingkat dan memperkemaskan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Raja-Raja serta mengambil tindakan susulan dan memberitahu keputusan Majlis dengan cepat dan teratur. Di antara tumpuan utama adalah kepada pengurusan bayaran/perkhidmatan seperti berikut :

- (i) Elaun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (ii) Tambang-tambang kapal terbang (termasuk sewa kapal terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia bagi kegunaan Raja Yang Mempengerusikan Mesyuarat) daripada negeri masing-masing ke Kuala Lumpur atau ke tempat di mana mesyuarat Majlis Raja-Raja (di luar Kuala Lumpur) diadakan;
- (iii) Tuntutan daripada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana sewa perkhidmatan kereta-kereta Kumpulan Kerajaan yang diguna oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja; dan
- (iv) Tuntutan bayaran balik sewa hotel untuk kediaman Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sekiranya istana masing-masing tidak dapat digunakan.

## PROGRAM 1 : PENTADBIRAN AM

**Objektif** – (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan personel yang cekap dan berkesan kepada urus setia Majlis Raja-Raja; (b) Memberi khidmat mengumpul maklumat serta menyampaikan keputusan penetapan tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha dengan cepat dan teratur; dan (c) Memberi khidmat dalam pengurusan pentadbiran dan pelaksanaannya supaya Mesyuarat Majlis Raja-Raja dapat diadakan dengan teratur, lancar dan sempurna.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. penyediaan baucar tuntutan/bayaran pentadbiran dan elaun mesyuarat Majlis Raja-Raja	581	600	600
Bil. urusan ketibaan dan keberangkatan balik DYMM/TYT menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan lain-lain urusan	82	50	70
Bil. Mesyuarat <i>Pre-Council</i> Majlis Raja-Raja	3	3	3
Bil. Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja	6	8	8
Bil. penyelarasan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan dan Penetapan Tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha	3	3	3

## Pegawai Pengawal: PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2014	2015	2014	2015
			RM	RM		
<b>RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA</b>						
10000	Emolumen		743,000	<b>800,000</b>		
20000	Perkhidmatan dan Bekalan		1,414,000	<b>1,451,000</b>		
30000	Aset		0	<b>40,000</b>		
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		91,000	<b>3,000</b>		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA			2,248,000	<b>2,294,000</b>		
<b>010000</b>	<b>PENTADBIRAN AM</b>	... ..	2,248,000	<b>1,994,000</b>		
		10000	743,000	<b>800,000</b>	<u>15</u>	<u>15</u>
		20000	1,414,000	<b>1,191,000</b>		
		40000	91,000	<b>3,000</b>		
010100	Pentadbiran Am	... ..	2,248,000	<b>1,994,000</b>		
		10000	743,000	<b>800,000</b>	15	15
		20000	1,414,000	<b>1,191,000</b>		
		40000	91,000	<b>3,000</b>		
<b>020000</b>	<b>DASAR BARU</b>	... ..	0	<b>80,000</b>		
		20000	0	<b>80,000</b>		
020100	Pemantapan Kawalan Keselamatan	... ..	0	<b>80,000</b>		
		20000	0	<b>80,000</b>		
<b>030000</b>	<b>"ONE-OFF"</b>	... ..	0	<b>220,000</b>		
		20000	0	<b>180,000</b>		
		30000	0	<b>40,000</b>		
030100	Mesyuarat Majlis Raja-Raja	... ..	0	<b>180,000</b>		
		20000	0	<b>180,000</b>		
030200	Perolehan Peralatan ICT	... ..	0	<b>40,000</b>		
		30000	0	<b>40,000</b>		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			2,248,000	<b>2,294,000</b>	<u>15</u>	<u>15</u>

*(Muka surat ini dibiarkan kosong)*